

Pendekatan Dakwah Melalui Pendidikan Kepada Masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang

AHMAD REDZUWAN MOHD YUNUS

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pendekatan dakwah melalui pendidikan kepada masyarakat Orang Asli di Pahang. Dua metode utama digunakan dalam kajian ini, iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Sementara metode deduksi dan induksi digunakan khusus untuk menganalisis data. Kajian ini mendapati pendekatan dakwah melalui pendidikan di Negeri Pahang kepada masyarakat Orang Asli telah dilakukan oleh Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) Negeri Pahang, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Bahagian Pahang dan Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli (PETAMA).

Kata kunci: dakwah, Orang Asli, pendekatan dan pendidikan

ABSTRACT

The research set outs to identify the approach of da'wah through education towards aborigines people in Pahang. There are two main methods used in this research namely library and field research methods. Meanwhile deduction and induction methods are used for the data analysis. This research found out that the da'wah approach through education towards aborigines people in Pahang have been implemented by the State Religious Department of Pahang, Department of 'Orang Asli' Affairs Pahang, Malaysian Muslim Welfare Organization of Pahang division and the Civilization Development of Asli Community.

Keywords: da'wah, aborigines, approach and education

PENGENALAN

Negeri Pahang ialah negeri yang paling ramai dihuni oleh masyarakat Orang Asli berbanding dengan negeri-negeri lain. Sehingga Disember 2003 terdapat kira-kira 54293 Orang Asli di Negeri Pahang daripada 147556 Orang Asli di Semenanjung Malaysia (JHEOA, 2003). Malah, Negeri Pahang merupakan negeri yang dihuni oleh ketiga-tiga kaum Orang Asli, iaitu kaum Negrito, Senoi, dan Melayu-Asli (Amran, 1991: 4; Leary, 1995: 2). Oleh itu, tanggungjawab dakwah perlu diutamakan.

Pelaksanaan dakwah kepada masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang telah dilakukan oleh pelbagai pertubuhan dakwah. Sejak tahun 1970-an, Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) telah memberi perhatian terhadap usaha dakwah kepada masyarakat tersebut (Abdul Ghafar, 1999: 49). Usaha tersebut turut dilakukan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) Negeri Pahang, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Bahagian Negeri Pahang, Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli (PETAMA) dan melalui kerjasama Institusi Pengajian Tinggi seperti Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mengadakan Latihan Amali Dakwah (Mohd Ghazali, 2004).

Salah satu pendekatan yang dilakukan untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat Orang Asli ialah melalui pendekatan pendidikan. Oleh itu penulisan dilakukan adalah untuk mengenal pasti pendekatan dakwah melalui pendidikan kepada masyarakat Orang Asli khususnya di Negeri Pahang.

PENDEKATAN DAKWAH MELALUI PENDIDIKAN KEPADA ORANG ASLI

Untuk mengenal pasti pendekatan dakwah melalui pendidikan kepada masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang, perlu dilihat pendekatan dakwah yang telah dilakukan oleh institusi dakwah seperti JAIP, JHEOA Negeri Pahang, PERKIM Bahagian Pahang dan PETAMA.

1. JAIP

Dakwah dari sudut pendidikan banyak dilakukan oleh JAIP, terutama selepas sasaran memeluk agama Islam. Setelah sasaran memeluk agama Islam, JAIP telah menganjurkan kelas agama. Kelas agama merupakan program susulan setelah ada di kalangan masyarakat Orang Asli yang memeluk Islam. Memandangkan mereka masih baru dalam Islam, sudah tentu mereka memerlukan tunjuk ajar dan pendidikan. Maka, JAIP telah mengadakan kelas agama bagi menguatkan kefahaman dan pegangan mereka terhadap agama Islam. Mereka akan diajar oleh guru yang telah dikhaskan untuk mengajar mereka. Antara perkara yang diajarkan ialah cara mengangkat hadas besar, hadas kecil, cara solat dan amalan asas agama yang lain. Semasa belajar, JAIP menyediakan risalah kecil yang mengandungi asas agama sebagai panduan kepada mereka. Risalah akan diberi kepada mereka yang mengikuti kelas agama oleh guru-guru mereka dan menjadi rujukan kepada mereka semasa belajar (JAIP, 2003: 3).

Selain daripada kelas agama, JAIP juga telah menganjurkan kursus dakwah dan peningkatan penghayatan Islam. Kursus ini merupakan program susulan kepada masyarakat Orang Asli yang telah memeluk Islam. Biasanya program ini dibuat di peringkat daerah Negeri Pahang dengan mengumpulkan mereka secara besar-besaran. Masyarakat Orang Asli yang telah memeluk Islam yang tinggal berselerak di setiap

daerah Negeri Pahang, akan dipanggil untuk mengikuti program di suatu tempat yang khas. Tujuan program ini adalah untuk menyatukan mereka dan dapat kenal mengenali antara satu sama lain dan meningkatkan kefahaman Islam dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Antara program yang telah diadakan adalah seperti Program Peningkatan Penghayatan Islam Saudara Baru dan Pemantapan Akidah dan Fardhu Ain (JAIP t.th).

Bagi meningkatkan kualiti pembacaan al-Quran, JAIP dengan kerjasama JHEOA telah memberi bimbingan membaca al-Quran kepada mereka yang telah memeluk Islam. Langkah ini diambil bagi melahirkan ramai pendakwah dalam kalangan masyarakat ini yang boleh membantu saudara mereka untuk lebih memahami Islam melalui kefahaman daripada kitab suci tersebut. Sebagai inisiatif ke arah tersebut, majlis Tilawah Peringkat Negeri telah diadakan dengan melibatkan penyertaan dalam kalangan Orang Asli (*Berita Harian*, 2001: 10).

Di samping mengadakan kelas agama, kursus dakwah dan bimbingan membaca al-Quran, JAIP turut memberi pendidikan Islam kepada masyarakat ini melalui ceramah agama bersempena dengan hari-hari kebesaran dalam Islam seperti Maal Hijrah dan Israk Mikraj (Jabatan Agama Islam Pahang, 2001: Th; *Khabar Pahang*, 2000: 16).

2. JHEOA Negeri Pahang

Sebagai sebuah jabatan yang bertanggungjawab untuk memajukan kehidupan Orang Asli, JHEOA telah menyediakan kemudahan pendidikan kepada golongan tersebut. Bermula dengan Kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak sehingga bantuan kemasukan ke Intitusi Pengajian Tinggi.

Selain penyediaan kemudahan pendidikan, hasrat untuk merubah dan meningkat kemahiran hidup dalam masyarakat Orang Asli telah diperluaskan lagi dengan menganjurkan beberapa kursus seperti Kursus Perubahan Sikap, Kursus Peningkatan Kemahiran Hidup, dan Kursus Kecemerlangan Pelajar. Kursus Perubahan Sikap bertujuan memberi kesedaran, bimbingan, dorongan, tambahan ilmu pengetahuan di samping memberi motivasi, dan semangat kepada keluarga termiskin supaya mereka dapat bersama-sama mengambil bahagian dalam arus pembangunan negara. Manakala Kursus Peningkatan Kemahiran Hidup pula bertujuan untuk memberi kemahiran kepada keluarga termiskin dengan pengetahuan dan pengalaman terutamanya dalam bidang pertanian, ternakan atau perniagaan. Sementara Kursus Kecemerlangan Pelajar pula, bertujuan membentuk sikap positif dalam kalangan pelajar di samping memberi dorongan untuk mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran (Oba, 2001: 1).

Di samping tiga kursus utama tersebut, terdapat banyak lagi kursus yang dianjurkan oleh jabatan ini untuk membangunkan kehidupan masyarakat Orang Asli seperti Kursus Integrasi Ternakan, Kursus Pengurusan Ladang, Kursus Teknikal Kawalan Hakisan, Kursus Pembajaan dan Cantasan Tanaman Cempedak dan Rambutan, serta Kursus Agronomi Tanaman Nenas (Bakar Unus, t.th).

Selain daripada kursus, jabatan ini turut memberikan kerjasama untuk menganjurkan bengkel kepada masyarakat Orang Asli seperti Bengkel *Moving Forward* yang diberikan kepada penduduk kampung Ulu Chemperah, Janda Baik, Bentong pada tahun 2004. Bengkel ini dipecahkan kepada dua kategori, iaitu mereka yang berumur kurang 15 tahun dan mereka yang berumur kurang 30 tahun. Bengkel kategori pertama bermatlamat

mengembangkan kemahiran berfikir kreatif dan kritis serta membina kemahiran belajar dalam kalangan murid agar dapat meningkatkan pencapaian akademik. Manakala bengkel kategori kedua pula, bermatlamat mengembangkan kepimpinan dan ketahanan agar lebih bersedia menghadapi cabaran masa hadapan (Halina Mohd Noor, 2004: C6).

3. PERKIM Bahagian Pahang

Dakwah melalui pendidikan diberikan kepada masyarakat Orang Asli, terutamanya selepas mereka memeluk agama Islam dengan mengadakan beberapa program dakwah seperti ceramah agama, dan latihan amali mengenai ibadat. Terdapat pelbagai ceramah agama yang diadakan khusus ketika menyambut hari-hari kebesaran dalam Islam seperti Israk Mikraj dan Maulidur Rasul telah diadakan oleh PERKIM kepada Saudara Baru (PERKIM Bahagian Pahang, 2001). Melalui kerjasama PERKIM bahagian dan cawangan serta JHEOA, program tersebut telah diadakan di perkampungan Orang Asli seperti di Kampung Telok Gunung, Sungai Tementong, Sungai Padi dan Pantos di Lipis, Sungai Bangkong, Sungai Tiang dan Sungai Kucing di Jerantut, Sungai Mas, Sungai Lembing dan Buluh Nipis di Muadzam Shah, dan di Pos Penderas, Temerloh (PERKIM Bahagian Pahang, 1997: 19) serta Kampung Hulu Pareh dan Gapoi di Bentong (PERKIM Bahagian Pahang, 1996: 25-26).

Selain itu, pendidikan Islam turut diberikan oleh PERKIM dengan mengadakan kelas fardhu ain dan kursus dakwah. Kelas fardhu ain pernah diadakan, seperti di kampung Orang Asli Sungai Gapoi, Bentong (PERKIM Bahagian Pahang, 1998: 2). Manakala kursus dakwah pula pernah diadakan di Sungai Temetong, Kuala Lipis (PERKIM Bahagian Pahang, 1996: 32) dan di Pos Penderas, Temerloh (PERKIM Bahagian Pahang, 2000: 17).

Seterusnya masyarakat Orang Asli juga didedahkan dengan pendidikan kemahiran tambahan seperti kelas masakan dan kraftangan sebagaimana yang diadakan kepada Saudara Baru di Sungai Ruil, Cameron Highlands (PERKIM Bahagian Pahang, 1998: 40).

Tidak memadai dengan sumbangan tersebut, sebagai menunjukkan komitmen untuk memajukan masyarakat Orang Asli, PERKIM telah mewujudkan Kampung Bimbingan. Antara kampung yang terpilih ialah Kampung Sungai Mas, Kuantan, Kampung Ulong, Cameron Hinglands, Kampung Gadak dan Kampung Bukit Serdang, Rompin, dan Kampung Temetong, Lipis. Di Kampung tersebut akan ditempatkan seorang guru agama untuk mengajar penduduk kampung dengan dipantau oleh pegawai dakwah PERKIM (*Berita Harian*, 1989: 17).

Bagi mengukuhkan amalan solat masyarakat Orang Asli, program solat berjemaah telah diadakan di perkampungan tertentu pada tiap-tiap malam Jumaat bersama penduduk kampung sepertimana yang diadakan di Kg. Sg. Ruil, Cameron Highlands (PERKIM Bahagian Pahang, 1998: 40).

4. PETAMA

Dakwah melalui pendidikan diberikan kepada masyarakat Orang Asli diberikan dalam dua bentuk iaitu pendidikan Islam dan pendidikan tentang pembangunan negara.

i. Pendidikan Islam

Pendidikan Islam telah diberikan dalam dua peringkat iaitu peringkat persediaan dan lanjutan. Peringkat persediaan berlangsung selama satu tahun. Modul yang didedahkan kepada mereka di tahap ini ialah Tauhid, Fiqh, al-Quran/Iqra' Akhlak dan Adat Resam Masyarakat Islam Malaysia. Modul Tauhid mempelajari aspek rububiyyah, uluhiyyah, rukun Islam dan iman. Modul Fiqh pula mempelajari taharah, solat, wirid dan zikir selepas solat, tahlil dan doa, pengurusan jenazah dan halal dan haram dalam Islam. Manakala bagi modul al-Quran pula disediakan bacaan kaedah iqra' dan mashaf uthmani serta hafazan juzuk amma. Sementara modul Akhlak pula membincangkan adab-adab harian, doa harian dan kebersihan (PETAMA, 2003: 5-8).

Manakala peringkat lanjutan berlangsung selama tiga bulan. Di peringkat ini, pelajar-pelajar akan didedahkan dengan modul Metodologi dan Psikologi Pendidikan Tilawah, Pengajian al-Quran, *Public Speaking*, Metodologi Pengajaran Fardhu Ain, Metodologi Dakwah dan Fardhu Ain Lanjutan. Melalui modul Metodologi dan Psikologi Pendidikan Tilawah, pelajar didedahkan dengan kaedah iqra'. Manakala bagi modul Pengajian al-Quran, pelajar didedahkan mengenal huruf hijaiyyah, mengenal pasti perbezaan bunyi huruf, mempelajari tajwid, dengung dan sebagainya. Sementara modul *Public Speaking* pula didedahkan dengan latihan mental, mempergerusikan majlis, kultum dan alu-aluan. Dalam latihan kultum, pelajar didedahkan untuk mengetuai bacaan Yasin, mengendalikan majlis tahlil, membaca doa dan memberi kuliah atau tazkirah. Dengan pendedahan ini, diharapkan ia akan membantu pelajar menghadapi situasi sebenar lebih-lebih lagi di perkampungan mereka kelak apabila berhadapan dengan penduduk kampung (PETAMA, 2003: 1-5). Sementara bagi modul Metodologi Pengajaran Fardhu Ain dan Fardhu Ain Lanjutan pula, pelajar didedahkan dengan rukun-rukun agama, hukum-hukum dalam Islam, perkara berkaitan Fekah, penyempurnaan solat, pengurusan jenazah, bab munakahat dan muamalat (PETAMA, 2003: 9-16). Sementara itu, bagi modul Metodologi Dakwah, pelajar didedahkan dengan teknik-teknik berdakwah dan kesilapan-kesilapan yang sering dilakukan oleh pendakwah (Razi Musa, 2004).

Di samping mempelajari ilmu dalam kelas, mereka juga memperoleh ilmu di luar kelas dengan menghadiri dan mengikuti majlis keagamaan seperti ceramah Maulidur Rasul, Israk Mikraj, program Ihya' Ramadhan, majlis Tilawah al-Quran dan sebagainya (PETAMA, 1998). Malah dalam situasi tertentu untuk mendapatkan ilmu melalui pengalaman, jabatan kerajaan dan orang perseorangan sering menjemput pelajar PETAMA untuk menghadiri majlis yang diadakan dan akan memberi penghormatan kepada para peserta PETAMA untuk mengendalikan bacaan doa dan bacaan Yasin seperti dalam majlis solat hajat, tahlil, kenduri kesyukuran dan sebagainya. Dengan pendedahan ini, diharapkan akan membantu pelajar menghadapi situasi sebenar untuk berhadapan dengan penduduk kampung mereka (PETAMA, 2003: 1-5).

Bagi memantapkan tugas pelajar mereka yang dilantik sebagai pembantu penggerak masyarakat, pihak PETAMA telah menganjurkan beberapa siri kursus yang bertujuan untuk memantau perkembangan dan aktiviti yang telah dijalankan oleh mereka serta membantu mereka mengatasi masalah yang dihadapi. Dalam kursus tersebut, sesi perbincangan, penerangan, ceramah, bengkel, latihan dan praktikal serta dialog telah diadakan (PETAMA, 2003: 2-7).

ii. Pendidikan Tentang Pembangunan Negara

Pendidikan ini diperolehi melalui kursus-kursus yang dihadiri oleh para peserta untuk mengetahui pembangunan yang telah dikecapi oleh negara seperti kursus kenegaraan, kualiti dan pengurusan. Kursus ini biasanya ditaja oleh JHEOA yang diadakan di Yayasan Pahang atau di luar Kuantan (Razi Musa 2004). Di samping itu, para peserta didedahkan dengan realiti pembangunan sebenar dengan membuat lawatan ke kawasan-kawasan tertentu atau diistilah sebagai lawatan sambil belajar. Ia diadakan dengan matlamat untuk meluaskan pandangan dan pengetahuan pelajar tentang tempat-tempat bersejarah yang terdapat di sekitar Negeri Pahang. Para peserta didedahkan dengan tempat-tempat yang sedemikian kerana secara tidak langsung ia boleh melahirkan perasaan cinta kepada negeri dan belajar untuk menghargainya (PETAMA, 1999).

KEJAYAAN DAKWAH MELALUI PENDIDIKAN KEPADA ORANG ASLI

Dakwah melalui pendidikan yang dilakukan kepada masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang oleh JAIP, PERKIM Bahagian Pahang, JHEOA Negeri Pahang dan PERTAMA telah memperlihat kejayaannya. Sebagai contohnya, bagi kursus-kursus yang dianjurkan oleh JAIP seperti Kursus Pemantapan Akidah dan Penghayatan Islam, para peserta telah dapat melakukan dan menghayatinya dengan baik. Contohnya para peserta mampu untuk membaca niat mengambil wuduk, mengambil air sembahyang dan melakukan sembahyang dengan sempurna. Manakala bagi PERKIM pula, menurut Ahmad Abdullah (2004), program-program ceramah, latihan amali, kelas fardhu ain dan kursus-kursus dakwah yang diatur akan dipastikan seboleh mungkin dapat difahami dan dikuasai oleh para hadirin.

Sementara bagi JHEOA, hasil daripada perhatian yang serius dalam bidang pendidikan, jabatan ini telah berjaya melahirkan pelajar yang cemerlang dalam kalangan masyarakat Orang Asli di mana pada tahun 1997, terdapat seorang yang berjaya mendapat 5A dan empat orang mendapat 4A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Manakala dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR), tiga orang mendapat 7A, dua orang 6A, dan seorang mendapat 5A. Sementara dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pula, seramai sebelas orang yang mendapat pangkat 1 (Anitudin Pak Pit, 1998: 27-28).

Susulan daripada kejayaan tersebut, dapat dilihat di mana pada tahun 2002, seramai dua belas orang telah berjaya melanjutkan pelajaran ke IPTA dan sembilan orang ke IPTS. Manakala pada tahun 2003, dua puluh empat orang telah berjaya ke IPTA dan seorang ke IPTS (Bakar Unus, t.th).

Menurut Ali Bakar (2004), dengan memberikan perhatian yang serius dalam bidang pendidikan, JHEOA telah berjaya melahirkan golongan cerdik pandai dalam kalangan masyarakat tersebut, yang telah menjawat pelbagai jawatan awam dalam perkhidmatan kerajaan.

Bagi PETAMA yang beroperasi pada tahun 1998, kejayaan dakwahnya ialah para pelajar telah berjaya menghafaz 30 surah dari juzuk amma, tamat membaca tiga puluh juzuk al-Quran, membaca al-Quran dengan lancar dan bertajwid, mampu memimpin bacaan Yasin, tahlil dan doa, boleh menjadi imam, menguasai perkara-perkara fardhu ain asas, berupaya untuk mengajar al-Quran dengan menggunakan kaedah iqra' serta boleh mengajar asas fardhu ain (PETAMA, t.th: 3). Terdapat dua orang pelajar yang telah

berjaya khatam al-Quran sebanyak tiga kali, seorang pelajar telah mewakili PETAMA di dalam ujian Tilawah al-Quran Peringkat Institut Pengajian Tinggi Negeri Pahang sempena sambutan Maal Hijrah dan tertubuhnya kumpulan nasyid PETAMA (PETAMA, t.th: 5).

Kejayaan yang paling besar ialah PETAMA telah berjaya melahirkan 35 orang pembantu penggerak masyarakat yang bertugas di merata kampung masyarakat Orang Asli. Mereka berkebolehan menarik minat penduduk kepada Islam, menyelenggara kematian, memakmurkan surau, membantu tugas pegawai JHEOA, JAIP dan agensi-agensi lain, menguruskan perkahwinan penduduk setempat kerana mereka merupakan agen perubahan masyarakat (PETAMA t.th: 6).

KESIMPULAN

Berdasarkan huraian yang dibincangkan, dapat disimpulkan bahawa dakwah melalui pendidikan kepada masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang telah dilakukan oleh pendakwah daripada pelbagai pertubuhan seperti JAIP, (JHEOA) Negeri Pahang, (PERKIM) Bahagian Pahang dan PETAMA. Bentuk dakwah melalui pendidikan tersebut disampaikan sama ada dalam bentuk pendidikan formal atau tidak formal. Manakala kejayaan yang dicapai pula ialah dapat melahirkan golongan yang mampu untuk memajukan diri dan masyarakat, sama ada dari sudut kemajuan kerohanian mahupun fizikal.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar Haji Don. 1999. "Perspektif Dakwah Non-Muslim: Kajian Terhadap Masyarakat Orang Asli Di Semenanjung Malaysia", dalam Fariza bt. Md. Sham *et al.* (ed), *Kajian Ilmu-ilmu Islam*, j.1. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Amran Kasimin. 1991. Religion and Sosial Change Among The Indigeneous People of The Malay Peninsula. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmadi Abdullah, Pegawai Dakwah PERKIM Bahagian Negeri Pahang, di PERKIM Bahagian Negeri Pahang, Kuantan, pada 24 Ogos 2004, pukul 11.15.
- Ali Bakar, Ketua Unit Penyelidikan dan Penerangan JHEOA Negeri Pahang, di JHEOA Negeri Pahang, Kuantan, pada 24 Ogos 2004, pukul 8.10 pagi.
- Anitudin Pak Pit (1998), "Pelajar Orang Asli Cemerlang 1997", *Nong Pai*, Jan- Mei. Kuala Lumpur: JHEOA.
- Bakar Unus T.th. "Pengembangan" dalam *Taklimat Pengurusan dan Pembangunan JHEOA Negeri Pahang Darul Makmur*. Kuantan: JHEOA Negeri Pahang.
- Bakar Unus T.th. "Pelajar-pelajar Orang Asli Negeri Pahang Ke IPTA/IPTS Tahun 2001-2003" dalam *Taklimat Pengurusan dan Pembangunan JHEOA Negeri Pahang Darul Makmur*. Kuantan: JHEOA Negeri Pahang.
- Berita Harian*. 2001. "JHEOA, JAIP Bimbing Orang Asli Baca al-Quran", *Berita Harian*, 14 Julai.
- Berita Harian*. 1989. "PERKIM Pilih Lima Kampung Bimbingan", *Berita Harian*, 2 September.
- Halina Mohd Noor. 2004. "Mencungkil Pemimpin Muda Orang Asli", *Berita Harian*, 31 Ogos.
- Jabatan Agama Islam Pahang. 2001. "Laporan Aktiviti Bahagian Dakwah JAIP". Pekan: Bahagian Dakwah, JAIP.
- Jabatan Agama Islam Pahang. 2003. "Laporan Program Kepada Saudara Baru Orang Asli Negeri Pahang". Pekan: Jabatan Agama Islam Pahang.

- Jabatan Agama Islam Pahang T.th. "Jadual Pelaksanaan Program Dakwah dan Peningkatan Penghayatan Islam Masyarakat Orang Asli Negeri Pahang". Pekan: Jabatan Agama Islam Pahang.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. 2003. "Pecahan Penduduk Orang Asli Mengikut Suku Kaum Hingga Disember 2003". Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.
- Leary, John D. 1995. Violence *The Dream People: The Orang Asli in The Malayan Emergency, 1948-1960*. Athens: Ohio University.
- Oba. 2001. "Program Pembangunan Manusia dan Minda JHEOA", *Nong Pai*, Dis. Kuala Lumpur: JHEOA.
- PERKIM Bahagian Pahang. 1996. "Laporan Tahunan PERKIM Cawangan Daerah-daerah Bagi Tahun 1995", dalam Mesyuarat Agung Tahunan PERKIM Bahagian Negeri Pahang Kali Ke-24, 7 Julai.
- PERKIM Bahagian Pahang. 1996. "Laporan Tahunan PERKIM Bahagian Pahang Bagi Tahun 1995", dalam Mesyuarat Agung Tahunan PERKIM Bahagian Negeri Pahang Kali Ke-24, 7 Julai.
- PERKIM Bahagian Pahang. 1997. "Laporan Tahunan PERKIM Bahagian Negeri Pahang Tahun 1996", dalam Mesyuarat Agung Tahunan PERKIM Bahagian Negeri Pahang Kali Ke-25, 6 Julai.
- PERKIM Bahagian Pahang. 1998. "Laporan Tahunan PERKIM Cawangan Daerah-daerah Bagi Tahun 1997", dalam Mesyuarat Agung Tahunan PERKIM Bahagian Negeri Pahang Kali Ke-26, 5 Julai.
- PERKIM Bahagian Pahang. 1998. "Laporan Tahunan PERKIM Bahagian Negeri Pahang Tahun 1997", dalam Mesyuarat Agung Tahunan PERKIM Bahagian Negeri Pahang Kali Ke-26, 5 Julai.
- PERKIM Bahagian Pahang. 2000. "Laporan Tahunan PERKIM Cawangan Daerah-daerah Bagi Tahun 1999", dalam Mesyuarat Agung Tahunan PERKIM Bahagian Negeri Pahang Kali Ke-28, 9 Julai.
- PERKIM Bahagian Pahang. 2001. "Laporan Tahunan PERKIM Cawangan Daerah-daerah Bagi Tahun 2000", dalam Mesyuarat Agung Tahunan PERKIM Bahagian Negeri Pahang Kali ke-29, 26 Mei.
- PETAMA T.th "Program Pembangunan Tamadun Masyarakat Orang Asli (PETAMA)". Kuantan: PETAMA.
- PETAMA. 1998. "Risalah Umum PETAMA". Kuantan: PETAMA.
- PETAMA. 2003. "Kurikulum Peringkat Tamhidi dan Talhiqi". Kuantan: AQFA Bahagian Akademik.
- PETAMA. 2003. "Modul Public Speaking". Kuantan: AQFA Bahagian Akademik.
- PETAMA. 1999. "Laporan PETAMA Rehlah Ke Pekan Bandar Diraja". Kuantan: PETAMA.
- PETAMA. 2003. "Laporan Kursus Intensif Pembantu Penggerak PETAMA Kali Keenam". Kuantan: PETAMA.
- Razi b. Musa, Pengurus PETAMA, di PETAMA, Kuantan, pada 24 Ogos 2004, pukul 12.15 tengahari.

Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (Ph.D), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. e-mail dzuwan@ukm.my